

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENULARAN VIDEO DI APLIKASI TIK TOK  
BERHUBUNG BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN**

PUTRAJAYA, 20 Januari 2023 – Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerima satu video yang ditularkan melalui aplikasi Tik Tok berhubung seorang ibu kepada tiga (3) orang anak yang belajar di sekolah yang sama tetapi menerima jumlah bayaran Bantuan Awal Persekolahan (BAP) yang berbeza-beza.

KPM akan menyiasat perkara tersebut dengan kerjasama pihak yang terlibat bagi mendapatkan maklumat lengkap berkaitan agar tindakan yang tegas dapat dilaksanakan sekiranya wujud kebenaran seperti yang didakwa.

KPM ingin memohon kerjasama semua murid, ibu bapa atau penjaga untuk membuat aduan secara rasmi sepanjang masa melalui SISPAA KPM di <https://moe.spab.gov.my> atau melalui telefon sepanjang waktu pejabat beroperasi di talian 03-8884 6456. KPM akan memastikan semua butiran pengadu akan dirahsiakan demi menjaga kebajikan pihak yang membuat aduan.

**-TAMAT -**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**